

Koleksi Petua 1

Pelbagai petua menarik, antaranya untuk melembutkan daging ayam, ubi kentang dan bawang kekal segar, menegangkan kulit muka, menghilangkan pecah tumit dan sebagainya
Merawat Kulit Berkedut

Parut sebatang lobak merah yang telah dibersihkan, campurkan sesudu tepung jagung dan sebiji kuning telur. Sebatikan banchuan itu lalu dioleskan pada kulit sekali sehari. Amalkan sehingga berkesan. Mengelak Rambut Beruban
Ambil dua sudu besar biji betik dan dijemur hingga kering. Goreng tanpa minyak hingga hangus. Tumbuk halus. Campur debunya dengan minyak kelapa dan sapu di kepala dua atau tiga kali seminggu. Selepas itu cuci rambut dengan air yang bersih. Insya-Allah ia akan mujarab.

KIRIMAN NORDIANA KASSIM Kg Pasir 81200 Johor Bahru, Johor.

Ubi Kentang Kekal Segar

Ubi kentang yang telah disimpan lama akan mengecut dan tidak keras seperti mula-mula dibeli. Bagi mengatasinya, rendam kentang yang telah dikupas kulitnya di dalam bekas. Simpan di dalam peti sejuk. Selagi tidak mahu digunakan, biarkan ia di dalam bekas itu dan ganti airnya setiap hari.

Bawang Kekal Segar

Bawang yang telah dikupas jika tidak digunakan, boleh disimpan di dalam bekas bertutup dan simpan di dalam peti sejuk. Ia akan tahan lama dalam keadaan masih segar.

KIRIMAN ROSMAWATI ABD AZIZ Shah Alam, Selangor

Melembutkan Daging Ayam Kampung

Untuk melembutkan daging ayam kampung memerlukan masa yang agak lama untuk memasaknya. Cubalah petua saya ini iaitu dengan menggunakan akar pandan. Selalu kita guna daun pandan untuk membuat kuih dan sebagainya tetapi kali ini kita guna akarnya untuk melembutkan daging ayam dan burung. Caranya mudah saja iaitu potong akar pandan lebih kurang 30cm.

Selepas dibersihkan, masukkan ke dalam masakan, rendang, kari dan sebagainya. Insya-Allah, daging ayam tadi cepat lembut dan sedap dimakan. Malah, minum air rebusan akar pandan pada setiap pagi juga boleh menurunkan berat badan.

KIRIMAN Puan Shima Ismail Cheras, Kuala Lumpur.

Menghilangkan Pecah Tumit

Gosokkan buah belimbing buluh pada tumit kaki yang pecah setiap kali hendak mandi. Kemudian biarkan seketika dan gosokkan dengan kain untuk menghilangkan kesannya.

Tegangkan Kulit Muka

Sediakan 10 liter air dan campurkan dengan 500 gram daun teh dan 300 gram asam jawa. Rebus sehingga mendidih. Ambil sukatan air yang tinggal kira-kira lima liter. Sesudah itu embunkan satu malam. Keesokan harinya sebelum matahari terbit, sapukan pada kulit. Lakukan setiap pagi dan lihatlah hasilnya.

KIRIMAN Liaaidawati Muhd Kabil Gemas, Negeri Sembilan.

Merawat Buasir

Ubi sengkuang adalah alternatif bagi mengatasi masalah buasir. Ia sejenis sayuran yang sejuk. Bagi anda yang mengalami masalah buasir bolehlah mengamalkan makan ubi sengkuang biasa atau ubi sengkuang cina yang segar. Kupas ubi sengkuang tersebut, basuh bersih dan selawat tiga kali sebelum makan. Insya-Allah masalah tersebut akan beransur-ansur hilang.

KIRIMAN Noor Jannah Abdul Rahman Balik Pulau, Pulau Pinang.

Koleksi ANIS